

OKTOBER 2018 RM

Panduan Lengkap
Keibubapaan & Prasekolah

Papa & Mama

MENANG!
Hadiah bernilai RM25,000

Harga: RM8.00 Sem. M'sia

ISSN 1675-0519



nojahpapa.my

TEKNIK PUJUK BAYI

keliru puting
payudara mama

Aqeef Anagi

Miliki tabung
pendidikan sendiri

Sembuhkan LUKA Pembedahan,

Ibu digalakkan
makan ikan haruan

HB waktu
**HAMIL
ASYIK
RENDAH**

Apa patut buat?

Ibu usia
30-an

perlu jaga kulit
elak risiko masalah

**CEGAH HFMD
DARI MEREBAK,**

Amal 11 cara
dokter ini!

Panduan Memilih

TASKA & TADIKA

UNTUK SI MANJA

MAKANAN UNTUK OTAK,
tingkatkan daya ingatan anak

Homework di tadika
RELEVAN ATAU TIDAK?

Ada 3 sebab ruginya
BILA SI KECIL TIDAK KE TADIKA!

26 TIP memilih pengasuh di rumah dan pusat jagaan kanak-kanak



BUKAN MUDAH UNTUK MEMILIH PENGASUH ATAU PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK YANG SEMPURNA DAN SELAMAT UNTUK ANAK TERSAYANG. LEBIH MERISAUKAN APABILA BANYAK KES KEMATIAN BAYI MELIBATKAN PENGASUH ATAU PUSAT JAGAAN SEPERTI TERSEDAK SUSU, PENDERAAN, TERJATUH BUAH DAN SEBAGAINYA. NORHASLIZA YUSOFF MENEMUBUAL YEW TIAN TIAN, PENGGIAT INDUSTRI PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK BAGI MEMBINCANGKAN ISU INI.

Secara umumnya menghantar anak ke pengasuh bayi dan pusat jagaan bayi mempunyai kelebihan tersendiri. Sebagai ibu bapa, pemillihan haruslah tepat, teliti dan rasional demi keselamatan kerana seharian meninggalkan anak atas tuntutan kerjaya.

Jika anda memilih menghantar anak ke rumah pengasuh, pada asasnya rumah didapati kurang terdedah kepada

penyakit ekoran penjagaan kanak-kanak dalam jumlah yang sedikit. Malah, berkemungkinan mempunyai pengasuh sama yang menjaga anak sejak bayi lagi, masa fleksibel untuk menghantar dan mengambil anak; kos upah pengasuh lebih murah dan lokasi yang berdekatan dengan rumah misalnya jiran tetangga.

Manakala kelebihan menghantar anak ke pusat penjagaan kanak-kanak ialah mempunyai kakitangan

secara berkumpulan untuk melakukan penjagaan terutama kes kecemasan. Selain itu, ia juga mempunyai ketelusan yang lebih baik, kakitangan yang berkelayakan dan terlatih. Pusat jagaan biasanya dilesenkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bererti ia di bawah pemantauan JKM, Kementerian Kesihatan, Bomba dan majlis tempatan.

Dalam pada itu, pusat jagaan komited mematuhi kehendak pihak

berkuasa seperti kelayakan kakitangan, vaksinasi, keselamatan, keselamatan dan sebagainya. Turut menyediakan rekod dan sistem pelaporan yang lebih baik dengan Prosedur Operasi Standard iaitu penjagaan yang konsisten berdasarkan nasihat profesional seperti Organisasi Kesihatan Dunia (WHO). Kanak-kanak juga mendapat pendedahan kepada lebih banyak aktiviti, program pembelajaran yang sesuai mengikut umur seperti Peringkat Awal Yayasan Awal atau Permata.

12 CIRI-CIRI SEORANG PENGASUH YANG BERKUALITI

Terdapat beberapa ciri-ciri pengasuh yang harus ibu bapa peka sebelum mengambil keputusan untuk menghantar anak dibawah penjagaannya.

- 1 Kelayakan seperti Kursus Asuhan Permata (KAP) adalah kelayakan minima di Malaysia atau pengalaman dalam penjagaan anak. Secara idealnya, pengasuh harus mengetahui mengenai penjagaan kanak-kanak dan jika mempunyai latar belakang perubatan adalah bonus buat pengasuh itu.
- 2 Kenal pasti motivasi dalam diri pengasuh. Kenal pasti adakah dia berminat dengan kanak-kanak, ketahui mengapa dia mahu menjadi pengasuh bayi atau penjagaan anak, apa yang dia sukai tentang kanak-kanak? Apakah perkara yang paling tidak disukainya mengenai pengasuhan anak?
- 3 Adakah pengasuh mendaftarkan premisnya dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) sebagai Taska Di Rumah (maksima adalah 9 orang kanak-kanak) dengan nisbah 1: 3 untuk di bawah 12 bulan dan 1: 5 untuk di atas 12 bulan. Penjaga memerlukan penolong jika dia mempunyai lebih daripada tiga bayi di bawah jagaannya.
- 4 Adakah dia menyediakan program pembangunan dan aktiviti untuk anak-anak di bawah jagaannya?
- 5 Membolehkan ibu bapa menyediakan susu ibu atau menggalakkan penyusuan susu ibu dan mempunyai pengetahuan untuk menjaga dan menyediakan susu ibu.

- 6 Ketelusan seperti kemas kini harian, CCTV dan membenarkan ibu bapa memasuki premis.
- 7 Pemeriksaan perubatan dan suntikan tifus.
- 8 Persekitaran yang bersih, jelas, termasuk ruang yang diperuntukkan untuk susu ibu sahaja di dalam peti sejuk.
- 9 Mengetahui cara pemilihan dan penyediaan makanan yang seimbang.
- 10 Kebolehan menyediakan rekod mengenai pencapaian perkembangan kanak-kanak.
- 11 Mengetahui ahli keluarganya seperti merokok di rumah.
- 12 Dicadangkan oleh sumber yang boleh dipercayai di persekitaran atau perumahan yang dikenali.

15 CIRI BAGAIMANA MEMILIH PUSAT JAGAAN ANAK DENGAN BAIK

Setiap pusat jagaan yang berdaftar harus memberikan mutu perkhidmatan yang baik dan sempurna kepada ibu bapa. Amat penting ibu bapa teliti dalam memilih pusat jagaan kanak-kanak yang berkualiti untuk permata hati.

- 1 Lokasi atau aksesibiliti, adakah ia mudah untuk mengambil dan menghantar anak? Mudah untuk anak menguruskan anak pada waktu pagi atau petang selepas pulang dari kerja.
- 2 Pasukan profesional seperti kelayakan dan latihan seperti Kursus Asuhan Permata, pembimbing pertama kanak-kanak, latihan mengendalikan kanak-kanak misalnya bagaimana menangani penyakit berjangkit.
- 3 Menggalakkan ketelusan melalui CCTV, kemas kini harian, rekod, tingkap untuk setiap bilik bayi atau lebih 'terbuka' ruang yang disediakan.
- 4 Menggalakkan penyusuan susu ibu dengan mengetahui bagaimana cara mengendalikannya dan membenarkan ibu bapa menyusukan bayi di premis.
- 5 Rekod yang betul iaitu rekod harian penggunaan susu, pembuangan air besar, mood keseluruhan dan aktiviti yang terlibat untuk bayi. Laporan kemajuan perkembangan untuk memantau kemajuan kanak-kanak dan buat ibu bapa supaya peka dan terlepas sebarang pencapaian perkembangan anak misalnya kanak-kanak yang lebih besar akan memerlukan penilaian tingkah laku pembelajaran.
- 6 Berlesen di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia bagi mematuhi keperluan daripada Kementerian Kesihatan, Bomba dan majlis tempatan.
- 7 Menyediakan program yang sesuai untuk menyokong perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak seperti Yayasan Awal Tahun, fokus pada tujuh bidang pembelajaran iaitu Pembangunan Peribadi, Sosial, Emosi (PSE), Pembangunan Fizikal, Komunikasi dan Pembangunan Bahasa, Literasi, Matematik, Memahami Dunia, Seni dan Reka Bentuk Ekspresif.
- 8 Keseluruhan persekitaran mudah akses kepada aktiviti luar, taman permainan, pencahayaan terang dan ruang yang selesa.
- 9 Motivasi dan pengurusan kakitangan iaitu bagaimana pusat atau pengurusan memastikan kakitangan bermotivasi. Ia dengan menyediakan latihan, faedah kakitangan, sistem bimbingan dan sebagainya.
- 10 Pemilihan pemakanan, reka bentuk dan penyediaan yang betul oleh kakitangan dengan pemeriksaan kesihatan dan vaksin tifus.
- 11 Interaksi dan komunikasi dengan ibu bapa. Ia bertujuan untuk memahami keperluan, kebimbangan, memberikan konsultasi dan sokongan kepada ibu bapa.
- 12 Mengadakan aktiviti yang melibatkan ibu bapa seperti iari keluarga, hari sukan atau hari graduasi.
- 13 Menyediakan maklum balas seperti menyediakan kotak cadangan, talian telefon maklum balas atau e-mel.
- 14 Membenarkan ibu bapa berkomunikasi secara langsung dengan para pengasuh di pusat jagaan supaya ada ketelusan.
- 15 Mempunyai sistem dan operasi yang memberikan sokongan pusat jagaan secara keseluruhan.